



## SIARAN MEDIA

### MENTERI MAFI LANCAR PROGRAM INISIATIF STAKEHOLDER DECLARATION ANTI RASUAH (i-SDAR)

Bukit Kayu Hitam, 12 Mac -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini melancarkan Program i-SDAR (Inisiatif Stakeholder Declaration Anti Rasuah) sempena lawatan kerja ke pintu masuk Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam di Kedah.

Program i-SDAR ini atas inisiatif Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merupakan satu usaha daripada pemegang taruh iaitu kalangan ejen, pengimport dan pengeksport di mana satu ikrar diwujudkan dan secara tidak langsung mewujudkan amalan perniagaan bebas rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta pemantapan entiti perniagaan yang beretika.

Dengan adanya ikrar ini, pemegang taruh dapat meningkatkan nilai integriti bersama-sama dan seterusnya membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

YB Menteri juga telah mengatakan bahawa MAQIS akan terus diperkasa termasuk dari segi penambahan perjawatan dan pindaan kepada Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang berkaitan. YB Menteri menegaskan bahawa pendekatan-pendekatan ini adalah penting untuk memastikan MAQIS dapat terus memainkan peranannya dengan lebih berkesan.

Beliau juga menyatakan bahawa penguatkuasaan MAQIS juga akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi mengawal dan menjaga

biosekuriti, kawalan penyakit serta keselamatan makanan dalam negara secara keseluruhannya.

Selain itu, YB Menteri juga menekankan mengenai kepentingan penggunaan peralatan dan teknologi moden dalam proses pemeriksaan yang dibuat oleh MAQIS di setiap sempadan.

Dalam pada itu, sepanjang tahun 2020 MAQIS telah menguruskan 720 ribu permit iaitu 230 ribu permit import dan 490 ribu permit eksport barangan pertanian. Manakala, jumlah pemeriksaan yang telah dibuat pada tahun lalu adalah 429 ribu pemeriksaan meliputi 116 ribu terhadap konsainan import dan 313 ribu konsainan eksport.

Melalui jumlah nilai pemeriksaan dan jumlah perdagangan yang banyak, program i-SDAR ini boleh memantapkan lagi integriti dan hubungan baik bersama pemegang taruh.

Sementara itu, kutipan pada tahun 2020 berjumlah RM88.6 juta telah melebihi sasaran yang ditetapkan berbanding RM82 juta pada tahun sebelumnya walaupun dalam keadaan pandemik COVID-19 yang sedang berlaku di dalam negara.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM5.3 juta telah diperoleh dengan peratus pencapaian sebanyak 106% melalui hasil khas bagi Negeri Kedah. Hasil tahanan di Bukit Kayu Hitam pada tahun 2021 bermula Januari sehingga Mac 2021 sebanyak 17 kes berjaya ditahan dengan nilai kompaun RM75 ribu.

Daripada nilai tersebut, tahanan ayam sejuk beku sahaja berjumlah 5 kes dengan nilai kompaun RM64 ribu dengan anggaran berat 242 tan.

Manakala lain-lain tahanan masih dalam siasatan lanjut.

Tindakan penguatkuasaan undang-undang akan terus diperkasa di semua pintu masuk negara bagi keluaran pertanian import dan eksport agar mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

MAQIS akan sentiasa memastikan aspek biosekuriti negara terjamin, termasuk isu yang membabitkan sensitiviti dalam kalangan umat Islam dan tidak boleh berkompromi.

**DISEDIAKAN OLEH:**

**Jabatan Perhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)**

**Sila hubungi untuk maklumat lanjut**

**MAQIS BUKIT KAYU HITAM**

019-3706198 – Huzaiman (PRO Negeri Kedah)

017-9110622 – Mohd Redha (PRO Jabatan)